

17 MAY 2000

Guru-Latihan/I

KEMENTERIAN AKAN LAHIRKAN SEKUMPULAN GURU MAHIR IT

SUBANG JAYA, 17 Mei (Bernama) -- Kementerian pendidikan bercadang mewujudkan sekumpulan guru pengajar yang akan melatih semula guru terutama mengenai kaedah pengajaran di Sekolah Bestari, kata Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin.

Ini katanya selaras dengan usaha kementerian untuk menyediakan guru yang mencukupi bagi menjalankan program Sekolah Bestari di negara ini.

"Hasrat kementerian adalah untuk mewujudkan lebih ramai guru pengajar yang boleh melatih guru lain terutama kaedah mengajar sekolah Bestari," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara University Teknologi Mara (UiTM) dan Cisco System (M) Sdn Bhd bagi penubuhan Akademi Rangkaian Cisco di Malaysia serta melancarkan akademi itu di UiTM, di sini hari ini.

UiTM diwakili oleh Naib Canselornya Datuk Ahmad Zaidee Laidin manakala Cisco diwakili oleh Pengurus di Malaysia, Shaifubahrim Saleh.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan di Ipoh menegaskan mengenai perlunya guru dilatih semula berikutan kaedah pengajaran yang lebih canggih.

Perdana Menteri juga berkataguru perlu bersedia mengajar di sekolah bestari kerana kerajaan merancang menjadikan semula sekolah di negara ini sebagai sekolah bestari.

Abdul Aziz berkata pada peringkat awal, RM45 juta diperuntukan bagi latihan semula dan latihan mengajar tahun ini.

Mengenai akademi itu beliau berkata gabungan kedua-dua pihak terbabit akan menyediakan landasan ke arah mencapai transformasi dalam infrastruktur pendidikan bagi melahirkan masyarakat yang celik teknologi.

Abdul Aziz juga berkata penubuhan akademi itu tepat pada masanya ketika negara memerlukan lebih ramai pakar dalam bidang penyelenggaraan dan perkhidmatan komputer.

Program yang ditawarkan oleh Cisco meliputi rekabentuk, membangun dan menyelenggara rangkaian komputer.

Ahmad Zaidee dalam ucapannya berkata pengajian diploma dalam Kejuteraan Elektrik (Penkomputeran Rangkaian Internet) selama enam semester itu akan bermula di kampus utama UiTM Jun ini.

Seramai 30 pelajar lulusan SPM dipilih untuk mengikuti program perintis it, katanya.

-- BERNAMA

KM LAT